

23 APR 2001

RMK8-TINJAUAN

FOKUS RMK8 KEPADA PERTUMBUHAN MAPAN DAN PENGUKUHAN DAYA TAHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) yang baru dilancarkan akan memberi tumpuan kepada usaha mencapai pertumbuhan mapan dan pengukuhan daya tahan ekonomi bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Rancangan lima tahun dari 2001 hingga 2005 itu adalah selaras dengan objektif Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

RMK8 merupakan fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bertempoh 10 tahun sehingga 2010, yang mengandungi Dasar Wawasan Negara (DWN) yang mensasarkan pertumbuhan yang mapan, mengukuhkan daya tahan ekonomi dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama.

Teras RMK8 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini, adalah untuk mengalih strategi pertumbuhan daripada yang didorong oleh input kepada yang dirangsang oleh pengetahuan.

Ini bagi mengukuhkan pertumbuhan potensi pengeluaran serta menggiatkan perubahan struktur di dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan serta menggiatkan semula sektor pertanian.

Rancangan itu juga akan berusaha untuk mengukuhkan kestabilan sosio-ekonomi melalui pengagihan pendapatan dan kekayaan negara yang saksama.

Menurut laporan RMK8 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Rancangan itu akan memberi lebih tumpuan kepada daya usaha sektor swasta manakala sektor awam akan menyediakan rangka dasar institusi yang kondusif serta perkhidmatan berkualiti bagi membantu pembangunan sektor swasta.

Dalam usaha meningkatkan daya saing negara, penekanan khusus akan diberi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan menerusi pembangunan sumber manusia, peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi terkini, terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Penekanan juga akan diberikan kepada usaha menyemai nilai-nilai murni di kalangan rakyat dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama.

Sejumlah RM110 bilion diperuntukan bagi membiayai pelbagai program dan projek yang dirangka ke arah menjayakan aspirasi kerajaan dalam RMK8.

Kerajaan menggariskan sembilan strategi utama dalam RMK8 sebagai langkah menghadapi cabaran-cabaran akan datang.

Strategi-strategi itu adalah -

- \* untuk meneruskan pengurusan ekonomi makro yang mantap,
- \* membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat,
- \* menggiatkan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti,
- \* meningkatkan daya saing di dalam sektor-sektor ekonomi yang utama,
- \* memperluaskan penggunaan ICT,
- \* menggiatkan pembangunan sumber manusia,
- \* mencapai pembangunan mapan,
- \* meningkatkan mutu kehidupan dan
- \* meningkatkan nilai-nilai moral dan etika.

Dalam usaha mengurus ekonomi yang mantap, Malaysia akan meneruskan matlamat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan kadar inflasi yang rendah dan akaun luar negara dan belanjawan yang mampan.

Menurut laporan RMK8 itu, bagi mencapai status negara maju menjelang 2020, keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia perlu tumbuh pada kadar

minimum 7.0 peratus setahun.

Dalam tempoh RMK8, melalui pelaksanaan langkah-langkah untuk meningkatkan potensi pengeluaran, pertumbuhan ekonomi negara disasarkan pada kadar 7.5 peratus setahun.

Usaha akan diambil bagi meningkatkan kecekapan dalam penggunaan modal, melaksanakan pelaburan berkualiti dan produktif serta meningkatkan produktiviti buruh dan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP) kepada pertumbuhan ekonomi.

Dalam memastikan dasar kewangan dan fiskal yang berhemat sepanjang tempoh RMK8, kerajaan akan meneruskan dasar fiskal yang berhemat bagi memastikan nisbah khidmat hutang jangka panjang yang mampan dan terkawal.

Sistem percukaian dan pentadbirannya akan terus diperkukuhkan untuk menjana hasil dan meningkatkan kecekapan ekonomi dan produktiviti.

Dasar kewangan pula akan mengukuhkan lagi dasar fiskal dalam menggalakkan pertumbuhan jangka panjang yang mapan. Dalam konteks ini, mudah tunai akan diuruskan dengan berhemat untuk memudahkan pertumbuhan ekonomi tanpa menyebabkan berlakunya inflasi.

Dasar kewangan juga akan memastikan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank tidak menjadi punca ketidakstabilan yang membawa kepada kenaikan harga aset yang seterusnya menyebabkan tekanan inflasi.

Bagi menggalakkan simpanan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, kadar pulangan sebenar deposit yang positif akan dikekalkan.

Di samping itu, pasaran bon akan dibangunkan bagi melengkapi sistem perbankan dalam memenuhi keperluan kewangan khususnya untuk projek infrastruktur yang besar.

Usaha akan ditumpu bagi menggalakkan pelaburan swasta dalam negara supaya ekonomi dapat dibangunkan berasaskan strategi pertumbuhan yang didorong oleh sumber dan kekuatan dalam negara serta mengukuhkan daya tahan ekonomi.

Menurut laporan itu, kerajaan akan terus melaksanakan dasar pro-perniagaan dengan menyediakan persekitaran yang sesuai bagi pembangunan perniagaan manakala sektor swasta digalakkan meningkatkan kualiti pelaburan dan mengembangkannya kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Usahawan tempatan pula digalakkan meningkatkan penggunaan pengetahuan dalam operasi dan menjadikan amalan dan piawaian antarabangsa sebagai pengukur keupayaan mereka.

Laporan itu berkata dasar penswastaan akan diteruskan sebagai kaedah memperkukuhkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi serta meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat.

Selain itu, kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI), terutamanya dalam sektor pembuatan berteknologi tinggi, ICT, tenaga dan kegiatan strategik yang lain.

Dalam menguruskan ekonomi makro yang mantap, kerajaan juga perlu mengekalkan kedudukan imbalan pembayaran yang seimbang dengan terus melaksanakan dasar serampang dua mata untuk mengekalkan kedudukan imbalan pembayaran yang sihat iaitu mengurangkan defisit dalam imbalan perkhidmatan dan meningkatkan lebihan dagangan.

Lebih banyak usaha akan dilaksanakan untuk meningkatkan mutu infrastruktur dan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi inisiatif swasta serta untuk menggiatkan pembangunan industri yang berdaya saing bagi membantu industri tempatan menghadapi persaingan yang lebih hebat dengan meningkatkan usaha liberalisasi perdagangan.

Pengurusan ekonomi makro yang mantap juga memerlukan usaha untuk membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, yang sebaliknya memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk membangun sumber manusia, memperkukuhkan R&D serta sains dan teknologi, menaik taraf infrastruktur ICT dan memastikan wujudnya kemudahan pembiayaan yang bersesuaian.

Memandangkan Malaysia membangunkan dengan segera tenaga manusia yang

kreatif dan inovatif dalam jumlah yang besar, kerajaan akan mengkaji semula sistem pendidikan untuk menyediakan kemahiran yang diperlukan.

Sistem pembelajaran sepanjang hayat akan diperkenalkan dan program peningkatan kemahiran diperkukuhkan untuk menyokong pembentukan masyarakat yang mengutamakan pemerolehan pengetahuan secara berterusan.

Di samping itu, program yang lebih teratur akan dilaksanakan untuk menarik warganegara Malaysia serta warga asing yang mempunyai kemahiran tinggi dan berbakat bekerja di Malaysia.

Di bawah strategi untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, agenda pengagihan akan terus diberi penekanan untuk mencapai matlamat masyarakat yang bersatu padu dan saksama.

Teras strategi pembasmian kemiskinan akan ditujukan ke arah mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus menjelang 2005.

Isu ketidakseimbangan pendapatan, terutamanya antara kumpulan-kumpulan etnik, penduduk bandar dan luar bandar, wilayah dan negeri akan diberi perhatian.

Usaha yang bersungguh-sungguh akan diambil untuk meningkatkan penyertaan Bumputera selain menambah pemilikan ekuiti mereka kepada sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010 seperti yang digariskan dalam RRJP3.

Langkah untuk meningkatkan pemilihan ekuiti di kalangan kaum India kepada 3.0 peratus menjelang 2010 juga akan dilaksanakan.

Bagi menggiatkan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti pula, laporan itu berkata penekanan akan diberi kepada usaha menggiatkan pendidikan, kemahiran dan kepakaran tenaga kerja, meningkatkan teknik-teknik pengurusan dan organisasi, mempergiatkan R&D serta sains dan teknologi, memperkukuhkan kapasiti inovatif, melindungi hak harta intelek dan memperluaskan penggunaan ICT.

Bagi meningkatkan daya saing dalam sektor-sektor ekonomi utama, usaha akan diambil untuk menggiatkan peralihan sektor utama kepada proses-proses pengeluaran yang lebih cekap dan kegiatan-kegiatan nilai ditambah yang lebih tinggi.

Di bawah strategi memperluaskan penggunaan ICT, kerajaan akan bertindak mengurangkan jurang digital antara golongan kaya dan miskin, penduduk luar bandar dan bandar serta antara sektor-sektor ekonomi melalui peningkatan dan perluasan daya pencapaian (aksesibiliti) infrastruktur komunikasi di seluruh negara.

Bagi menggiatkan pembangunan sumber manusia pula, kerajaan akan membangunkan sistem pendidikan dan latihan yang cekap dan responsif bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yang mempunyai nilai dan sikap yang positif.

Bagi mencapai pembangunan mampan, usaha akan dilakukan untuk mengenal pasti pendekatan pengurusan yang berhemat, menjimatkan kos dan bersesuaian, yang memberikan pelbagai manfaat.

Pendekatan sedemikian perlu memandangkan cabaran sepanjang RMK8 adalah untuk mencapai matlamat mengurus sumber-sumber alam dan asli dengan cekap serta

-- lagi